

## Soalan Lazim

1. Apakah yang dimaksudkan dengan Pinjaman Peribadi *Grab It Now* Hong Leong Bank (“HLB”)?

Ini adalah program kerjasama antara HLB dan GrabFinance di mana rakan pemandu/penghantar yang terpilih boleh memohon pinjaman daripada HLB. GrabFinance akan menghantar mesej dalam aplikasi kepada rakan pemandu/penghantar yang layak sebagai pemberitahuan dan pemandu yang berminat boleh memasuki portal dalam talian HLB atau terus ke cawangan HLB terpilih untuk membuat permohonan. Semasa di cawangan HLB, rakan pemandu/penghantar hendaklah menunjukkan mesej dalam aplikasi yang dihantar oleh GrabFinance untuk tujuan pengesahan.

2. Rakan saya terpilih untuk menerima tawaran ini manakala saya tidak. Bagaimana saya hendak mendaftar untuk program ini?

Terima kasih kerana menunjukkan minat anda terhadap program ini. Pinjaman Peribadi HLB kini tersedia untuk rakan pemandu/penghantar terpilih sahaja. HLB dan GrabFinance merancang untuk melancarkan tawaran ini kepada rakan pemandu/penghantar yang berkelayakan. Nantikan komunikasi mengenai tawaran ini dari GrabFinance.

3. Saya telah menghantar permohonan saya melalui portal HLB tetapi belum mendapat SMS untuk status permohonan saya. Berapa lamakah saya perlu menunggu untuk sebarang maklum balas daripada HLB?

Anda akan menerima SMS dan e-mel dari HLB setelah permohonan anda diluluskan/ditolak dalam 5-7 hari bekerja dari tarikh permohonan dibuat.

4. Bilakah saya akan mendapat jumlah pinjaman saya?

Setelah permohonan anda diluluskan, HLB akan mengkreditkan jumlah pinjaman ke akaun bank yang diberi semasa permohonan.

5. Berapakah jumlah pinjaman yang layak untuk dipohon?

Anda akan dapat melihat jumlah pinjaman maksimum yang layak untuk dipohon dan mengemukakan jumlah pinjaman yang anda inginkan semasa permohonan.

6. Bagaimanakah cara pembayaran balik pinjaman?

Melalui kerjasama bersama HLB, potongan harian akan dilakukan dari jumlah pinjaman melalui dompet tunai dan/atau kredit rakan pemandu/penghantar Grab selama tempoh 6 bulan (174 hari) atau 12 bulan (359 hari).

7. Apa yang perlu saya lakukan sekiranya akaun Pemandu Grab saya digantung/dibatalkan/dihentikan?

Sekiranya akaun anda digantung/dibatalkan/ditamatkan, anda perlu menghubungi GrabFinance di [collection.my@grabtaxi.com](mailto:collection.my@grabtaxi.com) untuk persetujuan kaedah pembayaran balik.

8. Bolehkah saya membatalkan permohonan saya?

Anda boleh membatalkan permohonan anda pada bila-bila masa sebelum penyaluran.

9. Apa yang perlu saya lakukan sekiranya saya tidak menerima jumlah pinjaman di dalam akaun bank setelah permohonan saya diluluskan?

Setelah permohonan diluluskan, jumlah pinjaman anda akan dikreditkan ke akaun bank yang anda daftarkan dalam masa 5-7 hari bekerja. Sekiranya berlaku kelewatan, sila hubungi HLB di 03-7626 8899 untuk sebarang bantuan.

10. Bagaimanakah jumlah pembayaran balik saya dikira?

***Untuk tujuan ilustrasi: Pemandu A memohon RM1,000 untuk tempoh bayaran balik selama 6 bulan***

Jumlah pinjaman yang diterima (Jumlah Pinjaman - Duti Setem) : RM995

Duti Setem : 0.5% daripada RM1,000 = RM5

Fi Kemudahan : RM70

Faedah HLB/GrabFinance : 18% setahun daripada RM1,000 / tempoh bayaran balik 6 bulan = RM90

Jumlah bayaran balik : RM1,160

Jumlah potongan harian : RM1,160 / 174 hari = **RM6.67 setiap hari**

11. Apa yang berlaku sekiranya saya tidak membuat pembayaran untuk pinjaman saya/tidak mempunyai baki yang mencukupi untuk pemotongan dibuat melalui dompet tunai dan/atau kredit?

GrabFinance akan membuat pemotongan berulang kali melalui dompet tunai dan/atau kredit rakan pemandu/penghantar Grab.